

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Skim Perkhidmatan : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**
- 1.2 Gred Jawatan : **N19**
- 1.3 Kementerian/Jabatan : **Parlimen Malaysia**
- 1.4 Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**
- 1.5 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.6 Bilangan Kekosongan : **Lima (5)**

2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM1,352.00 – RM4,003.00 (Gred N19)

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 warganegara Malaysia;
- 3.2 berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 3.3 Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT KELAYAKAN

- 4.1 Calon hendaklah mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan lima (5) subjek yang lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPM(V)) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

5. DESKRIPSI DAN SKOP BIDANG TUGAS

- 5.1 Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/ komunikasi); dan

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 6.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 6.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas).
- 6.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Tarikh Iklan : 28 Oktober 2020

Catatan Am : Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.